

FAQ – Perlindungan Kemasukan Ke Hospital akibat Covid-19 (e-Medical Pass Takaful)

1) Jika saya dimasukkan ke hospital akibat Covid-19, adakah saya akan dilindungi?

Etiqa Family Takaful Berhad dengan sukacitanya berkongsi bahawa pelanggan yang mengambil plan perubatan Etiqa e-Medical Pass Takaful akan menikmati manfaat plan untuk kemasukan ke hospital akibat Covid-19 di Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta.

2) Apakah terma-terma dan syarat-syarat untuk kelayakan bagi perlindungan kemasukan ke hospital?

- Anda mesti mengambil plan perubatan Etiqa e-Medical Pass Takaful.
- Plan anda mestilah berkuatkuasa semasa anda dimasukkan ke hospital dan ketika penyerahan tuntutan.

3) Berapakah jumlah perlindungan?

Jumlah perlindungan adalah mengikut syarat semasa plan perubatan Etiqa e-Medical Pass Takaful anda.

4) Bilakah manfaat ini akan berakhir?

Perlindungan kemasukan ke hospital tersedia untuk plan Etiqa e-Medical Pass Takaful sekiranya anda dimasukkan ke hospital akibat Covid-19 di Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta sepanjang tempoh plan ini.

5) Adakah saya akan menikmati manfaat perubatan ini jika saya dimasukkan ke Hospital Swasta?

Etiqa Family Takaful Berhad dengan sukacitanya berkongsi bahawa pelanggan yang mengambil plan perubatan Etiqa e-Medical Pass Takaful akan menikmati manfaat plan untuk kemasukan ke hospital akibat Covid-19 di Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta.

6) Bagaimana jika saya dimasukkan ke hospital semasa tempoh menunggu?

Dukacitanya, anda tidak akan dilindungi ketika dalam tempoh menunggu plan untuk plan perubatan Etiqa e-Medical Pass Takaful.

7) Bagaimanakah saya boleh menuntut manfaat kemasukan ke hospital sekiranya saya layak?

Malangnya, manfaat kemasukan ke hospital tanpa tunai tidak akan tersedia sekiranya anda dimasukkan ke hospital akibat Covid-19. Anda perlu membayar bil tersebut semasa discaj dari hospital dan membuat serahan tuntutan ganti rugi kepada Etiqa Family Takaful Berhad melalui Livechat di www.eti.qa/livechat, email di info@etiqa.com.my atau Aplikasi Etiqa Smile. Apa yang perlu anda lakukan ialah menyerahkan borang tuntutan (borang diperlukan untuk tuntutan di Livechat & Email sahaja dan tersedia melalui <https://etiqa.com.my/v2/claims/medical>), laporan diagnosis perubatan, bil hospital & resit hospital (resit perlu ditandakan dengan "Untuk Etiqa sahaja").

8) Sebaik sahaja saya menuntut manfaat khas ini, adakah ia akan mengurangkan jumlah perlindungan manfaat pelan saya?

Manfaat perlindungan Covid-19 ini akan menggunakan peruntukan pelan Etiqa e-Medical Pass Takaful yang anda sedia ada.